

05 JUN 1997

Singapura-hubungan

SINGAPURA MAHU HUBUNGAN BAIK DENGAN MALAYSIA

SINGAPURA, 5 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong berkata beliau mahukan hubungan yang baik dengan Malaysia, menurut laporan Perbadanan Radio Singapura (RCS) hari ini.

RCS memetik Goh, semasa berucap di Parlimen, sebagai berkata kedua-dua negara akan beruntung dengan bekerjasama untuk faedah bersama.

Bagi menyelesaikan masalah antara kedua-dua negara, khususnya mengenai tanah Keretapi Malaysia (KTM Bhd) di Singapura, Goh mencadangkan rangka kerja bagi mewujudkan kerjasama yang lebih luas antara Singapura dan Malaysia.

Goh mengumumkan cadangan itu yang beliau buat kepada rakan sejawatannya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tahu lepas.

Cadangan rangka kerja itu termasuk bekalan air jangka panjang dan berterusan sehingga satu masa yang ditentukan kepada Singapura.

Goh berkata sekiranya cadangan itu dipersetujui, Singapura bersedia untuk melonggarkan syarat-syarat perjanjian POA bagi memenuhi kehendak Malaysia dan untuk melabur dalam sektor Singapura dalam prasarana kereta api elektrik laju yang dicadangkan oleh Malaysia.

POA, yang dimeterai pada tahun 1990, ialah satu perjanjian antarbangsa yang ditandatangani oleh kedua-dua negara mengenai tanah kereta api di Singapura.

RCS berkata Menteri Luar S Jayakumar memberitahu Parliamen bahawa Singapura komited untuk mengadakan hubungan jangka panjang dengan Malaysia berasaskan saling mempercayai dan menghormati.

Katanya terdapat banyak perkara yang mempengaruhi hubungan antara kedua-dua negara dan kerjasama akan mendatangkan faedah kepada kedua-dua pihak. -- BERNAMA

THG WAT